

Berita Harian 25/6/51
2010
MIS 7

470 kes denggi di Shah Alam

SHAH ALAM: Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menerima laporan 470 kes denggi sejak Januari lalu hingga pertengahan bulan ini, dengan 437 kes disahkan positif menghidap demam denggi, manakala 33 kes denggi berdarah.

Pegawai Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad, berkata bagi tempoh sama, MBSA melakukan pemeriksaan di 21,706 premis termasuk di rumah kediaman, kedai, sekolah, kilang, tadika, tapak binaan, projek perumahan terbengkalai, tempat pembuangan sampah, taman permainan dan rekreasi.

Hasil pemeriksaan itu, katanya, 922 premis didapati positif menjadi tempat pembiakan Aedes.

"Minggu lalu, MBSA sudah mengadakan lima gotong-royong di beberapa kawasan di sekitar Shah Alam bagi membasmi tempat pembiakan Aedes.

"Antaranya Kampung Budi-man, Seksyen U14, Taman Alam Indah, Seksyen 33, Taman Tadisma, Seksyen 13, Sekolah Menengah kebangsaan Seksyen 19 dan di Tadika Perpaduan, Taman Seri Muda di Seksyen 25," katanya di sini, semalam.

Bagi tempoh sama, MBSA mengedarkan 357 kompaun atas berbagai kesalahan men-

gikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKT 1976).

Shahrin berkata, sepanjang tempoh itu juga, MBSA membuat semburan kabus di 307,230 premis untuk mengawal pembiakan Aedes dan memohon kerjasama masyarakat ketika kegiatan itu dilakukan di tempat mereka.

Katanya, MBSA berharap pemilik rumah atau premis dapat membuka pintu dan tingkap ketika aktiviti pengasapan dilakukan.

"MBSA juga mengambil pendekatan dengan menganjurkan pameran menangani demam denggi di Pangsapuri Baiduri di Seksyen 7 bagi mendidik masyarakat setempat kaedah untuk mencegah pembiakan Aedes dan mengenali tanda awal gejala denggi," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan pemerhatian, punca utama pembiakan nyamuk Aedes adalah sikap sambil lewa serta cuai masyarakat yang tidak menjaga persekitaran ruman dengan baik.

FAKTA NOMBOR

922
premis

Didapati positif menjadi tempat pembiakan Aedes